

06 OCT 2001

Lima-ARV

SISTEM ARV EAGLE TINGKATKAN KEUPAYAAN PEMANTAUAN MALAYSIA

Oleh: Mohd Haikal Isa

LANGKAWI, 6 Okt (Bernama) -- Keupayaan pemantauan negara dijangka dapat dipertingkatkan dengan sistem pesawat kawalan udara (ARV) Eagle, produk usaha sama antara Composite Technology Research Malaysia (CTRM) dan Excelnet serta rakan kongsi asingnya, BAE Systems.

Pengarah pemasaran dan perhubungan awam BAE Systems Mark Ritson berkata Angkatan Tentera Malaysia adalah yang pertama menggunakan Eagle ARV tetapi sistem itu boleh ditempah mengikut keperluan agensi pemantauan lain.

Selain untuk kegunaan ketenteraan, dari segi pemantauan di sepanjang pantai Malaysia, Eagle ARV juga berkesan dalam mengesan kebakaran hutan, tumpahan minyak dan untuk tujuan alam sekitar lain, katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Malaysia bersetuju membeli sistem Eagle ARV itu untuk kegunaan angkatan tenteranya pada Jun tahun ini. Sistem itu akan diserahkan pada tahun depan.

Sistem itu, yang dibangunkan tahun lepas, merangkumi pesawat Eagle, radar pengesar, stesen penerima jarak jauh dan stesen kawalan darat.

Pesawat tanpa pemandu itu, yang pada awalnya dibina sebagai pesawat dua kerusi untuk latihan asas sebelum diubah suai, boleh memberikan imej berwarna video mengenai keadaan di darat secara tepat masa pada ketinggian 16,000 kaki dan mampu merangkumi kawasan dalam lingkungan radius 250 km kepada pengawal di darat.

"Tetapi keupayaannya dapat terus dipertingkatkan," kata seorang pegawai di darat.

Eagle ARV dapat bertahan di udara selama 10 jam, katanya.

Ritson juga berkata bahawa syariakt usaha sama itu akan mempromosikan Eagle ARV di luar negara kerana terdapat potensi besar untuk sistem itu diguna pakai di negara lain terutamanya negara maritim.

Pada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima 2001), yang akan diadakan di sini mulai Selasa hingga Ahad depan, syarikat usaha sama itu akan mengadakan demonstrasi untuk delegasi perdagangan pada Rabu, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadirinya.

-- BERNAMA

MHI NAK